



## 1094 **UNSUR PENYUCIAN JIWA MELALUI AYAT-AYAT AL-KAWNIIYYAH DALAM SURAH AL-NABA'**

Wan Hakimin Bin Wan Mohd Nor  
Nik Mohd Nabil B Ibrahim @ Nik Hanafi  
Fatin Nazmin Mansor  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Kajang, Selangor.  
wanhakimin@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

*Surah al-Naba' merupakan surah yang dikategorikan sebagai surah makkiyyah. Surah ini sama seperti surah-surah makkiyyah yang lain yang turut membincangkan aspek agama, usul akidah dan penekanan terhadap aspek akhlak. Melalui surah ini Allah SWT menghabarkan bukti-bukti kebesaran-Nya melalui ayat-ayat al-kawniyyah sebagai jawapan terhadap kekeliruan dan keraguan golongan kafir terhadap kebenaran hari kebangkitan yang disebut sebagai al-naba' al-'azim. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan ayat-ayat al-kawniyyah dalam surah al-Naba' yang dilihat menjurus kepada penyucian jiwa bertepatan dengan ciri-ciri surah makkiyyah yang membincangkan aspek akhlak. Kajian yang menggunakan metode analisis dokumen ini merujuk sejumlah kitab-kitab tafsir muktabar, sumber-sumber berautoriti dan kitab-kitab berasaskan penyucian jiwa bagi menjawab objektif kajian. Kajian ini juga mendapat ayat-ayat al-kawniyyah dalam surah al-Naba' mempunyai nilai-nilai akhlak yang boleh memberi kesan terhadap usaha-usaha penyucian jiwa.*

**Kata kunci:** *ayat-ayat kawniyyah, makkiyyah, surah al-Naba', akhlak*

### **Pengenalan**

Perbincangan yang akan diketengahkan dalam artikel ini adalah berkaitan penyucian jiwa melalui ayat-ayat kawniyyah dalam surah al-Naba'. Ayat-ayat makkiyyah menurut pendapat yang rajih di sisi ulama *Ulum al-Quran* bermaksud ayat-ayat al-Quran yang diturunkan sebelum



berlakunya hijrah Nabi SAW dari Mekah ke Madinah. Perbincangan ayat-ayat makkiiyah menjurus kepada pengukuhan akidah, perkara-perkara yang berkait dengan keimanan, perkara perkara ghaib dan memberi penekanan terhadap aspek akhlak.<sup>1</sup> Salah satu surah yang mempunyai ciri-ciri ayat *makkiiyah* adalah surah al-Naba'.

Surah al-Naba' dikenali juga sebagai surah 'Amma kerana surah ini memulakan dengan firman-Nya (bermaksud): "Tentang apakah mereka saling bertanya-tanya? Tentang berita yang besar." (al-Naba', 78:1-2). Surah ini memaparkan perihal hari kiamat dan kebangkitan yang menjadi perhatian orang ramai dan telah menyebabkan mereka tertanya-tanya tentang bila hari kiamat akan berlaku<sup>2</sup>.

Pada surah ini terkandung beberapa ayat-ayat *kawniyyah* yang memaparkan bukti-bukti kebesaran Allah SWT melalui kejadian ciptaan alam. Hikmah di sebalik kenyataan ayat-ayat *kawniyyah* ini tidak lain dan tidak bukan ianya bertujuan menyucikan jiwa manusia dari perkara-perkara yang menyamakan Allah dengan sesuatu kuasa yang lain. Perkara ini selaras dengan ciri-ciri ayat *makkiiyah* yang menjelaskan perkara usul aqidah dan perkara yang menjurus kepada penyucian jiwa.

Kajian ini memfokuskan unsur-unsur penyucian jiwa menerusi ayat-ayat *kawniyyah* dalam surah al-Naba'. Ayat-ayat *kawniyyah* yang difokuskan adalah ayat-ayat yang bermaksud suatu yang dilihat mampu membentuk jiwa muslim yang sejati melalui proses penyucian jiwa.

## Konsep Penyucian Jiwa

---

<sup>1</sup> Manna' al-Qattan (2009) Mabahith fi 'Ulum al-Quran. hlm. 57.

<sup>2</sup> Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaily (2009), Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shariah wa al-Manhaj. Dimashq: Dar al-Fikr.



Penyucian dalam Bahasa Arab menggabungkan dua perkataan *tazkiyah* dan *al-nafs*. Kalimah *tazkiyah* berasal dari kata dasar تَزْكِيَةٌ, زَكِيٰ, زَكَىٰ. Dari sudut bahasa, *tazkiyah* bermaksud penyucian, pembersihan dan penyuburan diri serta penyingkiran segala bentuk perkembangan yang tidak dikehendaki dan segala perkara yang tidak baik.<sup>3</sup> Apabila kita bercakap tentang jiwa atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *nafs* dan bahasa Inggerisnya disebut sebagai *soul*, sekurang-kurangnya perlu difahami apakah yang dimaksudkan dengan jiwa (*nafs*) tersebut. Secara umumnya jiwa boleh difahami sebagai suatu jirim halus yang bergerak memberi kekuatan kepada kehidupan dan perasaan serta kehendak-kehendak yang ada pada diri manusia.<sup>4</sup>

Oleh itu, penyucian jiwa di sini sebagaimana takrifan Said Hawa yang dinukilkkan oleh Che Zarrina Saari (2014) bermaksud menyucikan jiwa daripada syirik, merealisasikannya dengan tauhid, berakhhlak dengan Asma' Allah seiring dengan pengibadatan yang sempurna untuk Allah dan bebas daripada dakwaan rububiyyah dan kesemuanya ini adalah melalui peneladanan kepada Rasulullah SAW. Selain itu, penyucian jiwa merupakan proses membersihkan jiwa dengan melakukan penyucian jiwa dari segala kotoran yang melibatkan hati dan mengantikannya kepada sesuatu yang baik. Proses ini dilakukan bagi menghasilkan rasa tenang tenteram dan dekat dengan pencipta iaitu Allah SWT. (Ali, 2010).

Menurut Che Zarrina (2015) *tazkiyah* membawa maksud usaha yang gigih dilakukan oleh seseorang bagi menyelesaikan masalah yang melibatkan perkara baik dan buruk yang wujud di dalam jiwa atau *al-nafs*. Manakala *al-Nafs* pula merujuk kepada hasrat yang diluahkan oleh amal perbuatan yang mencetuskan kekuatan bagi mencapai apa yang dimahukan. Setiap perbuatan yang dilakukan adalah lahir dari perasaan yang terpendam di dalam hati (Khairani, 2012: 86). Perbahasan *Tazkiyah al-Nafs* menurut Imam al-Ghazali dimulai dengan perincian-perincian mengenai penyakit-penyakit hati, sebab berlaku penyakit hati, cara merawat penyakit hati

<sup>3</sup> F.R. Ansari (1983), “Tazkiyah: The Role of the Prophet”, Islamic Order, Vol. 5, No. 4, hlm. 11.

<sup>4</sup> Prof. Madya Dr. Che Zarrina Sa’ari. “Peranan Penyucian Jiwa (Tazkiyah al-Anfus) Terhadap Pembangunan Insan Dalam Masyarakat Bertamadun. Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.



seterusnya kelebihan rawatan penyakit hati. Kesemuanya dihurai oleh al-Ghazali di dalam bahagian ketiga dan keempat dari kitab *Ihya' Ulumiddin*

Justeru, dapat difahami bahawa *tazkiyah* mnelibatkan proses usaha dan kesungguhan seseorang insan dalam menyelesaikan konflik antara baik dan buruk yang wujud dalam jiwa (*nafs*)nya.

### Latar belakang Surah al-Naba'

Surah ini dinamakan al-Naba' kerana dimulai dengan suatu peristiwa yang sangat dahsyat iaitu hari Kiamat bagi menjawab keraguan musyrikin Mekah tentang persoalan hari Kebangkitan. Surah al-Naba' merupakan surah *makkyyah* yang diturunkan di Mekah yang mana penurunannya berlaku sebelum Hijrah. Perbincangan surah ini sama seperti surah-surah *makkyyah* yang lain yang turut memperihalkan berkenaan akidah, hakikat kejadian kebesaran Allah SWT, aspek aqidah, perkara-perkara ghaib dan lain-lain.

### Ayat-Ayat Kawniyah Dalam Surah al-Naba'

Perkataan *kawniyah* berasal dari perkataan *kawn* yang merupakan kata terbitan dari kata kerja kana, yang bermaksud: Alam yang wujud, atau satu jumlah perkara yang wujud, mempunyai tempat dan masa. Manakala *kawn* juga bermaksud jirim-jirim yang membentuk alam. Al-Kawn al-A'la khusus dikhususkan kepada Allah SWT Al-Kawnan pula ditujukan kepada dunia dan akhirat. Al-Kawni adalah kalimah yang digunakan oleh masyarakat Arab untuk menunjukkan perkara yang disandarkan kepada alam. Ilmu al-Kawniyat adalah ilmu yang membicarakan tentang hakikat umum alam dari sudut asal dan kejadian alam serta keadaannya. Justeru, dalam kajian ini, al-Kawniyah merujuk kepada ciptaan Allah SWT yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu termasuk astronomi, embriologi, biologi, geologi, botani, sains kesihatan dan sebagainya.<sup>5</sup> Menurut HAMKA beliau cukup menekankan ayat-ayat *kawniyah* sebagai cara menguatkan akidah. Apabila berjumpa dengan ayat yang memperkatakan tentang alam dan cakerawala,

<sup>5</sup> Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mohd Yakub@Zulkifli Hj. Mohd Yusoff & Azniwati Abdul Aziz, (2012) Transformasi Epistemologi Kajian Ayat Kawniyah: Tinjauan Terhadap Karya Era Klasik Dan Moden Dalam Bahasa Arab. USIM: Journal 'Abqari. Vol. 2.



HAMKA cuba memberi penjelasan dan meminta supaya pembaca meneliti ayat tersebut yang bertujuan menanamkan akidah kepada umat Islam. Tambahan beliau kemajuan ilmu pengetahuan alam mestilah diperhatikan oleh umat Islam jika mereka mahu mengembalikan kegemilangan Islam seperti umat yang terdahulu (Mashitah Ibrahim, 2000).

### Al-Quran Adalah Sumber Penyucian Jiwa

Tidak dapat dinafikan lagi, al-Quran merupakan kitab yang memberi petunjuk hidayah kepada manusia. Di dalamnya mengandungi penawar dan syifa' terhadap masalah kejiwaan yang melanda manusia. Allah SWT telah berbicara mengenai al-Quran yang berperanan sebagai penyucian jiwa (tazkiyah al-Nafs) semenjak 1400 tahun dahulu. Peranan al-Quran dalam menangani penyakit rohani dan jasmani menjadi suatu yang signifikan dan relevan sepanjang masa dalam mengubati penyakit-penyakit hati yang melanda manusia seperti riak, sompong, takabbur, hasad dengki dan lain-lain.

Allah SWT berfirman:

لَقَدْ مِنَ اللَّهِ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَنْذِلُ عَلَيْهِمْ آيَاتٍ وَّيُزَكِّيهِمْ وَيَعْلَمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحَكْمَةَ

“Sesungguhnya Allah telah memberi kurniaan kepada orang-orang yang beriman ketika Allah mengutuskan di antara mereka sendiri seorang Rasul dari golongan mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan (jiwa) mereka, dan mengajarkan kepada mereka Al-Kitab dan Al-Hikmah.” (Ali-'Imran: 3:164)

Ayat ini menunjukkan saranan terbesar kepada manusia untuk menyucikan jiwa. Al-Quran adalah kitab penyucian jiwa yang menjadi sumber dan mata air penyucian jiwa. Maka barangsiapa yang ingin membersihkan jiwa, hendaklah mencarinya dalam al-Quran.

Ibn 'Abbas *radhiyallahu 'anhuma* mengatakan:

وَلَا يَضُلُّ مَنِ اتَّبَعَ الْفِرَءَانَ أَنَّ لَا يَضُلُّ فِي الدُّنْيَا وَلَا يَشْقَى فِي الْآخِرَةِ، ثُمَّ تَلَاهُ: "(فَمَنِ اتَّبَعَ هُدًى فَلَا يَضُلُّ)"  
"ضمن الله لمن اتبع الفرءان أن لا يضل في الدنيا ولا يشقى في الآخرة، ثم تلا: (فمن اتبع هدئ فلا يضل)"

“Allah menjamin bagi orang yang mengikuti ajaran al-Quran bahawa dia tidak akan tersesat di dunia dan tidak akan celaka di akhirat.” Kemudian Ibn 'Abbas membacakan ayat (yang ertiannya),



“Lalu barangsiapa yang mengikut petunjuk-Ku, ia tidak akan sesat dan tidak akan celaka.”

(Taha: 20: 123)

Ibn al-Qayyim rahimahullahu ta’ala berkata:

فالقراءان هو الشفاء التام من جميع الأدواء القلبية والبدنية وأدواء الدنيا والآخرة<sup>6</sup>

“Al-Quran adalah ubat yang paling sempurna untuk seluruh penyakit hati dan jasmani; serta untuk penyakit dunia dan akhirat.”

Berdasarkan dalil dan nas yang dikemukakan, tidak dapat dinafikan lagi bahawa salah satu kaedah menyucikan jiwa adalah menjadikan al-Quran sebagai pegangan dan panduan hidup. Manusia akan terpandu ke jalan yang lurus dan tidak akan mengikuti jalan yang sesat sekiranya kehidupan mereka istiqamah berpegang teguh dengan al-Quran dan beramal dengannya. Ayat-ayat ini menjadi teras terhadap tazkiyah al-nafs melalui ayat-ayat al-Quran yang mengandungi ayat-ayat kawniyyah yang menunjukkan bukti-bukti kebesaran Allah SWT.

### Penyucian jiwa dan Ayat-Ayat Kawniyyah

Fokus utama penulis pada bab ini adalah memberi penekanan terhadap unsur-unsur penyucian jiwa melalui ayat-ayat *kawniyyah* dalam surah al-Naba’. Menerusi ayat-ayat *kawniyyah* ini, Allah menghabarkan bukti-bukti kekuasaan-Nya melalui kejadian penciptaan-Nya. Tanpa melakukan usaha tadabbur maka proses penyucian jiwa tidak akan tercapai dengan sempurna.

Said Hawa mengklasifikasikan salah satu aspek terpenting dalam *tazkiyah al-anfus* adalah dengan melakukan *al-Tadabbur bi khalqillah* (melakukan tadabbur dengan kejadian ciptaan Allah SWT). <sup>7</sup> Beliau juga memperincikan makna *tadabbur bi khalqillah* yang dapat direalisasikan dengan kombinasi dua unsur penting iaitu *zikir* dan *tafakkur* terhadap ayat-ayat Allah SWT. Oleh itu, *tafakkur* dan *zikir* dapat menghidupkan hati manusia terhadap ayat-ayat Allah SWT. Demikian itu, beliau juga di dalam kitabnya menyebut maksud yang ingin dicapai

<sup>6</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Zaad al-Ma’ad, 4: 119.

<sup>7</sup> Said Hawa, (2008) al-Mustakhlas fi Tazkiyah al-Anfus. Mesir: Dar al-Salam.



dari membaca al-Quran adalah dengan mentadabbur maknanya. Oleh sebab itu, kita dituntut membaca al-Quran dengan tartil kerana secara zahirnya bacaan secara tartil mampu menghadirkan hati untuk mentadabbur maknanya.<sup>8</sup> Justeru, penyucian jiwa dapat dicapai dengan melakukan tadabbur dan fikir terhadap ayat-ayat *kawniyyah* kerana penghayatan melalui ayat-ayat ini mampu menanamkan rasa ‘ubudiyah dengan kebesaran dan kekuasaan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولَئِكَ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ فِيهَا وَقُوَّادًا وَعَلَىٰ جُلُوبِهِمْ وَيَتَكَبَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقَنَا عَذَابَ النَّارِ (191) رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلُ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَزْنَاهُ وَمَا لِظَّالِمٍ مِنْ أَنْصَارٍ (192) رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مَنَّا يَنْهَا لِإِيمَانِنَا أَنْ آمَنُوا بِرَبِّنَا فَأَمَّا

### Analisis Penyucian Jiwa melalui Ayat-ayat Kawniyyah Dalam Surah al-Naba'

Salah satu bentuk penyucian jiwa adalah dengan melakukan tadabbur terhadap kejadian ciptaan Allah. Ini sebagaimana yang disebut oleh Said Hawa dalam kitabnya dalam *Tazkiyah al-Anfus*. Dalam surah al-Naba' terdapat beberapa ayat yang mengandungi petunjuk tentang kejadian ciptaan Allah SWT melalui ayat-ayat *kawniyyah*.

Jika dilihat pada latar belakang surah ini, Allah SWT mendatangkan ayat-ayat *kawniyyah* sebagai bukti kekuasaan-Nya untuk menunjukkan kepada golongan kafir yang ingkar tentang kebangkitan hari kiamat dan bagi Allah tidak mustahil dia mampu mengulanginya kembali setelah menciptakan manusia buat kali pertama. Oleh itu, pembahasan kali ini mengemukakan ayat-ayat *kawniyyah* yang mempunyai prinsip-prinsip penyucian jiwa.

Antaranya adalah:

---

<sup>8</sup> Sa'id Hawa, Al-Mustakhlas fi Tazkiyah al-Anfus.



1. Ayat ke-6 surah al-Naba':

الَّمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مَهَادًا

“Bukankah kami telah menjadikan bumi itu sebagai hamparan”.

Menurut al-Qurtubi ayat ini menunjukkan kekuasaan Allah yang mampu menjadikan hari kebangkitan. Kekuasaan di sini bermaksud kemampuan Allah menciptakan perkara-perkara ini lebih besar dari membangkitkan manusia kembali. Perkataan **مهادا** bermaksud bumi sebagai hamparan<sup>9</sup> sebagaimana dalam firman Allah SWT:

الَّذِي جَعَلَ لُكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا

“Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu.” (al-Baqarah: 2: 22)

2. Ayat ke-7 surah al-Naba':

وَالْجَبَالُ أُوتَادًا

“Dan gunung-ganang sebagai pasak”

Ayat ini menceritakan fungsi gunung-ganang sebagai pasak bumi. Kejadian Allah yang disebut sebagai gunung-ganang ini memberikan manfaat yang besar kepada kehidupan manusia, haiwan, alam dan sebagainya. Dr Hamka ketika mentafsirkan ayat ini beliau menyatakan fungsi gunung-ganang mempunyai manfaatnya yang tersendiri. Menurut beliau, bumi tidak akan selamat dan tidak akan terbentang dengan baik tanpa adanya gunung-ganang. Bahkan dengan adanya gunung-ganang maka sistem kehidupan manusia menjadi lebih kukuh dan bersistematik.<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> Al-Qurtubi, Syaikh Imam, (2009) *Tafsir al-Qurthubi*. Dudi Rosyadi & Faturrahman (terj.). Jakarta: Pustaka Azzam.

<sup>10</sup> Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (HAMKA), (1985) *Tafsir Al-Azhar*. 1985. Juz. 30. Pustaka Panjimas: Jakarta. Hlm. 10.



Manakala Ibn Kathir di dalam tafsirnya menjelaskan dengan kewujudan gunung-ganang Allah menetapkan bumi, memantapkannya dan menyeimbangkannya sehingga bumi menjadi tenang dan tidak bergoncang bersama penghuninya.<sup>11</sup>

### 3. Ayat ke-12 surah al-Naba':

وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا

“Dan kami bangunkan di atas kamu tujuh buah (langit) yang kukuh”

Menurut Prof. Hamka maksud “tujuh langit yang kukuh” dalam ayat di atas merujuk kepada langit yang mempunyai tujuh lapisan. Beliau juga membawakan contoh perumpamaan yang biasa digunakan orang Arab dengan perkataan tujuh yang dimaksudkan ialah banyak. Hikmah penciptaan langit yang kukuh dengan tujuh lapisan melayarkan kita kepada ke arah keinsafan bahawa terbukti sifatnya yang kukuh yang mempunyai ruang angkasa yang luas telah berjuta-juta tahun diciptakan oleh Allah SWT. Namun, cakerawala masih tetap utuh dan teguh berdiri dengan kukuhnya<sup>12</sup>.

### 4. Ayat ke-13 surah al-Naba':

وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَاجًا

“Dan kami jadikan pelita yang amat terang”.

Menurut al-Qurtubi perkataan وَهَاجًا beerti (terang menyala) merujuk kepada matahari. Sedangkan perkataan جعلنا dalam ayat ini membawa maksud خلق kerana hanya memerlukan satu maf'ul sahaja. الْهَاجَ adalah sesuatu yang memiliki kilauan. Manakala Ibn 'Abbas berkata, وَهَاجًا beerti منيراً متلالاً (bersinar dan berkilauan).<sup>13</sup>

Hikmah kejadian matahari bukan hanya sekadar membekalkan cahaya dan sinaran kepada manusia, haiwan dan kehidupan sekeliling. Bahkan Allah telah meletakkan pada kejadian matahari itu suatu rahsia kehidupan. Menurut al-Maraghi, kepanasan dan sinaran matahari dapat

<sup>11</sup> Syaikh Safiyurrahman al-Mubarakfuri, (2016) Shahih Tafsir Ibn Kathir (terj.). Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.

<sup>12</sup> HAMKA (1985), Op.cit. h. 10

<sup>13</sup> Tafsir al-Qurtubi, Juz 'Amma. Hlm. 8.



menyembuhkan penyakit dan memberi daya kehidupan. Dalam perkara ini bukti yang paling kukuh adalah terdapatnya serangan penyakit terhadap orang yang tinggal di tempat yang jauh dari pancaran sinar dan panas matahari, manakala bakteria akan merebak sekiranya tertutup dan jauh dari sinaran matahari.<sup>14</sup>

#### 5. Ayat ke-14 surah al-Naba':

وَأَنْزَلْنَا مِنْ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَاجًا

“Dan kami turunkan dari awan air yang banyak tercurah.”

Menurut Ibn ‘Abbas perkataan al-mu’sirat membawa maksud awan. Demikian juga pendapat ‘Ikrimah, Abul ‘Aliyah, al-Dahhak, al-Hasan, al-Rabi’ bin Anas, al-Thawri dan pendapat yang dipilih oleh Ibn Jarir. Manakala Al-Farra’ memperincikan lagi makna al-mu’sirat adalah merujuk kepada awan yang membawa air hujan tetapi belum menurunkan hujan sebagaimana dikatakan mar’atun mu’sirun iaitu wanita yang mendekati waktu haid.<sup>15</sup>

Berkenaan firman Allah “ماء ثجاجا” “air yang banyak tercurah,” Mujahid, Qatadah dan al-Rabi’ bin Anas berkata, “Maksud banyak tercurah adalah hujan yang banyak tertumpah.” Al-Thawri berkata, “(yakni) yang terus menerus.” Ibn Zaid berkata, “(yakni) yang melimpah.”<sup>16</sup> Ini menunjukkan lafaz tersebut membawa maksud air hujan yang turun dengan lebat, terus menerus dan sangat banyak.

## Kesimpulan

Keseluruhan ayat-ayat yang dikemukakan dalam artikel ini merupakan perbincangan ayat-ayat *kawniyyah* yang mengandungi unsur-unsur penyucian jiwa. Sa’id Hawa menyatakan dalam kitabnya *al-Mustakhlas fi Tazkiyah al-Anfus*, kesempurnaan manusia itu tidak akan tercapai sekiranya seseorang tidak tahu kedudukan zikir dan fikir dalam penghayatan *tazkiyah al-Anfus*.

<sup>14</sup> Ahmad Mustafa al-Maraghiy, Ter. Tafsir al-Maraghi, Jil. 15. Hlm. 7390.

<sup>15</sup> Syaikh Shafiyurrahman al-Mubarakfuri, Shahih Tafsir Ibnu Katsir (terj.), Jld 9/hlm. 437.

<sup>16</sup> Ibid



Banyak perintah dan suruhan Allah SWT mengalakkan manusia supaya *bertafakkur* pada ayat-ayat yang menceritakan tentang kejadian makhluk Allah SWT. Keseluruhan ayat-ayat ini akhir sekali menjurus ke arah menyingkapi kebesaran dan keagungan Allah SWT melalui bukti-bukti ciptaan-Nya. Bagi orang yang merenung setiap kejadian Allah SWT yang sempurna melalui penciptaan-Nya nescaya mereka pasti akan menemui akan kesempurnaan tuhan-Nya yang Maha Esa. Di sinilah, ayat-ayat *kawniyyah* dalam surah al-Naba' mengajar kita erti kehambaan yang menjurus ke arah penyucian jiwa.

## BIBLIOGRAFI

Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa, (2001). *Tafsir al-Maraghi*. Muhammad Thalib (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Mubarakfuri, Syaikh Safiyurrahman, (2016) Shahih Tafsir Ibn Kathir. Tim Pustaka Ibnu Katsir (terj.), c.14. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.

Al-Qattan, Manna', (2009) *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut – Lubnan: Maktabah al-Risalah.

Al-Qurtubi, Syaikh Imam, (2009) *Tafsir al-Qurthubi*. Dudi Rosyadi & Faturrahman (terj.). Jakarta: Pustaka Azzam.

Prof. Madya Dr. Che Zarrina Sa'ari. "Peranan Penyucian Jiwa (Tazkiyah al-Anfus) Terhadap Pembangunan Insan Dalam Masyarakat Bertamadun. Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam.

Che Zarrina Saari, (2014) Implementasi Tasawuf dalam Penghayatan Rukun Islam dan Pengaruhnya kepada Penyucian Jiwa (tazkiyah al-Nafs) Menurut Sa'id Hawa.

F.R. Ansari (1983), "Tazkiyah: The Role of the Prophet", Islamic Order, Vol. 5, No. 4, hlm. 11.

Konsep Tazkiyah al-Nafs: Satu Pendekatan Oleh Al-Ghazali (505H), (2015) Proceedings International Seminar On al-Quran In Contemporary Society (SQ 2015). UNISZA.

Ibn al-Qayyim, Zad al-Ma'ad.

Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mohd Yakub@Zulkifli Hj. Mohd Yusoff & Azniwati Abdul Aziz, (2012) Transformasi Epistemologi Kajian Ayat Kawniyyah: Tinjauan Terhadap Karya Era Klasik Dan Moden Dalam Bahasa Arab. USIM: Journal 'Abqari. Vol. 2.

Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaily, (2009). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shariah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.

Sa'id Hawa, (2008). *Al-Mustakhlas fi Tazkiyah al-Anfus*. Kaherah – Iskandariah, Mesir: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.



Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (HAMKA), (1985) *Tafsir Al-Azhar*. 1985.  
Juzuk 28-29-30. Pustaka Panjimas: Jakarta.